

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' JUHANIS BINTI
ABD AZIZ**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah terkini kes seksual dan jenayah ke atas kanak-kanak yang dilaporkan dan usaha Kementerian untuk mengatasi isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius terhadap kes seksual dan jenayah ke atas kanak-kanak. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kehakiman Malaysia daripada **Januari sehingga Oktober 2021, terdapat sebanyak 2,504** pertuduhan berkaitan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,966 kes telah selesai**.

Manakala mengikut statistik daripada Polis Diraja Malaysia sebanyak **1,865 kes jenayah seksual kepada kanak-kanak dilaporkan daripada Januari sehingga September 2021**.

Bagi menangani kes penganiayaan seksual kanak-kanak, pelbagai tindakan telah dan sedang diambil oleh Kementerian seperti berikut:

- i) **Meningkatkan advokasi kepada anggota keluarga yang mengetahui mengenai penganiayaan atau pengabaian seseorang kanak-kanak** supaya melapor dan memberi maklumat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- ii) **Memperkasakan peranan komuniti dalam perlindungan kanak-kanak melalui pelantikan pembantu pelindung** bagi menyelamatkan kanak-kanak daripada penderaan serta membawa mereka bagi pemeriksaan serta rawatan perubatan. Sehingga November 2020 seramai 299 orang telah diwartakan sebagai Pembantu Pelindung dan bilangan ini akan ditambah dari semasa ke semasa.

- iii) **Penubuhan Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-Isu Sosial Kanak-Kanak di Media Sosial** bertujuan untuk menggembeleng tenaga pakar daripada PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Badan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik dan aktivis masyarakat (individu) dalam memastikan keselamatan kanak-kanak di media sosial terpelihara.
- iv) **Memantapkan Peranan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak** dalam merangka program advokasi dan pencegahan melalui Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang terdapat di 146 daerah;
- v) **Memantapkan pelaksanaan advokasi program keselamatan kanak-kanak dalam alam siber;**
- vi) **Memperkasa hebahan Talian Kasih 15999 dan WhatsApp Talian Kasih 019-26 15999** bagi orang awam melaporkan kes penderaan kanak-kanak;
- vii) **Meluaskan pelaksanaan Kempen Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: *Safe and Protect*** yang dijalankan secara bersepadu dengan pelbagai agensi bagi meningkatkan kesedaran pelajar-pelajar sekolah, Ibu bapa, PIBG, guru-guru, komuniti serta pemimpin tempatan berkaitan isu perlindungan dan keselamatan diri kanak-kanak;
- viii) **Memperkasa Perkhidmatan kaunseling di 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)** bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak;
- ix) **Menempatkan kanak-kanak di 12 buah institusi kanak-kanak bagi tujuan pemeliharaan dan perlindungan** sekiranya ibubapa, penjaga atau keluarga tidak mampu/ tidak layak untuk memberi penjagaan/ pemeliharaan sewajarnya; dan

- x) **Pelantikan 224 orang Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (S29) baharu** untuk menjalankan tugas sebagai **Pelindung** dan **Pegawai Akhlak** di seluruh Malaysia;
- xi) **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)** dilaksanakan bagi memberi pendidikan dan pengetahuan kepada ibu bapa dan penjaga mengenai keselamatan keluarga dan anak. Pengisian program ini merangkumi pengetahuan mengenai aspek keselamatan di rumah, di luar rumah dan di alam siber.
- xii) **Penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** yang menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat seperti kaunseling serta transit sementara berbentuk *immediate relief* kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Pengoperasian PSSS ini turut melibatkan penyertaan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar yang bertauliah di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan Skuad Waja di bawah JPW untuk memperkasa komuniti melalui psikososial dan aktiviti bimbingan selain usaha sama melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai rakan strategik.

Sebagai rumusan, pendekatan yang digunakan oleh Kementerian dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak melalui advokasi, pencegahan, intervensi serta perkhidmatan sokongan sosial bagi pencegahan kes penderaan khususnya keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi serta pemulihan mangsa penderaan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.